

CONCEPT OF REASONABLE PROFIT: ANALYSIS BASED ON AL-GHAZALI'S THOUGHT IN SOCIO-ECONOMY

KONSEP UNTUNG PATUT (*REASONABLE PROFIT*): ANALISIS BERDASARKAN PEMIKIRAN AL-GHAZALI

Muhamad Zuhaili Saimanⁱ

ⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. mdzuhaili@uitm.edu.my

Abstract	<i>Reasonable profit refers to a positive profit level that is less than the abnormal profit level but still within the normal profit level. Although basically there is no profit limit in a transaction that is carried out as long as the price determination is within healthy market norms and there are no activities that conflict with Shariah, as a Muslim seller, you should not only think about maximum profit for personal purposes only because the transaction is not just a matter of personal needs (subsistence), but it also aims to meet the needs of society (fardu kifayah). The issue studied is according to al-Ghazali's thought that the normal profit limit is around 5–10 percent of the selling price, so what is the reason for him to set such a limit, and is it related to the concept of reasonable profit? This study aims to analyse the concept of reasonable profit according to al-Ghazali's socio-economic thoughts, which emphasise the functional aspect of social well-being. Al-Ghazali emphasised that the concept of economic well-being must include three main things: to meet the needs of life, the well-being of the family, and to help people in need. The chosen research methodology is a qualitative study through a literature review. Research findings are obtained from secondary data sources, namely scientific books and academic journals. The method of data analysis carried out is the descriptive method. The results of the discussion show that al-Ghazali's thinking is based on the concept of reasonable profit in price determination, which is called price justice by taking into account al-falah elements, meeting the needs of society, and healthy market norms.</i> Keywords: <i>Al-Ghazali, Price Justice, Social Well-Being, Socio-Economic, Reasonable Profit.</i>
Abstrak	<i>Untung patut (reasonable profit) merujuk kepada tingkat keuntungan positif yang mana nilainya kurang daripada tahap untung abnormal tetapi masih dalam tahap untung normal. Walaupun asasnya tiada had keuntungan dalam sesuatu urusan niaga yang dijalankan selagi penentuan harga tersebut dalam norma pasaran yang sihat dan tiada sebarang aktiviti yang bercanggah syariat, namun sebagai penjual muslim tidak sepatutnya hanya memikirkan keuntungan maksimum bagi tujuan peribadi semata-mata kerana urusan niaga bukan hanya soal keperluan diri (nafkah) tetapi ia juga bertujuan untuk memenuhi keperluan masyarakat (fardu kifayah). Isu yang dikaji ialah menurut pemikiran al-Ghazali bahawa had keuntungan yang normal ialah sekitar 5-10 peratus dari harga jualan sekaligus menjadikan apakah punca beliau menetapkan had sedemikian dan kaitannya dengan konsep untung patut. Objektif kajian ini bertujuan untuk</i>

	<i>menganalisis konsep untung patut (reasonable) menurut pemikiran al-Ghazali dalam sosio-ekonomi yang menekankan aspek fungsi kesejahteraan sosial. Al-Ghazali menekankan konsep kesejahteraan ekonomi mestilah merangkumi tiga perkara yang utama iaitu memenuhi keperluan hidup, kesejahteraan keluarga juga untuk membantu insan yang memerlukan. Metodologi kajian yang dipilih ialah kajian kualitatif menerusi kajian kepustakaan. Dapatan kajian diperolehi daripada sumber data sekunder iaitu buku-buku ilmiah dan jurnal akademik. Kaedah analisis data yang dijalankan adalah menggunakan metode deskriptif. Hasil perbincangan menunjukkan pemikiran al-Ghazali mempunyai asas terhadap konsep untung patut (reasonable profit) dalam penentuan harga yang disebut sebagai keadilan harga dengan mengambil kira elemen al-falah, memenuhi keperluan masyarakat dan norma pasaran sihat.</i> Kata kunci: <i>al-Ghazali, Keadilan Harga, Kesejahteraan Sosial, Sosio-Ekonomi, Untung Patut</i>
--	---

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang syumul iaitu merangkumi semua aspek dalam kehidupan termasuklah urusan niaga. Malah urusan niaga merupakan aktiviti asas dalam kehidupan manusia kerana manusia saling memerlukan di antara satu sama lain. Al-Jarjawi (2007) menjelaskan bahawa urusan niaga yang melibatkan aktiviti jual beli merupakan satu tuntutan dan menjadi tanggungjawab pada tahap fardu kifayah kerana bertujuan memenuhi keperluan diri dan masyarakat. Sehubungan itu, selagi urusan niaga dijalankan dalam keadaan tersebut tidak bercanggah dengan syariat dan perundangan sesuatu tempat, maka asasnyanya terserah kepada keredaan antara kedua-dua pihak yang berakad dengan memastikan soal etika dan akhlak yang mulia ditekankan seperti kejujuran, amanah dan sopan santun (Mohd Nizho & Mohd Shukri 2008). Maksud yang dikehendaki dari konteks saling reda meredai inilah bentuk keadilan kepada kedua-dua pihak di mana Islam tidak menetapkan sebarang had keuntungan kerana terserah kepada kebijaksanaan dalam penawaran dan permintaan yang diizinkan berlaku dalam tawar-menawar (Ifta' Jordan, 2021; Muhammad Bakr, 1999; Muhammad Sabri, 2020).

Dalam keadaan norma pasaran yang melibatkan persaingan yang sihat, kerajaan tidak harus mencampuri urusan dalam meletakkan had siling bagi sesuatu harga kerana campur tangan kerajaan dalam situasi sebegini akan menyebabkan salah satu pihak terjejas. Namun jika berlaku situasi yang boleh mendatangkan risiko dan mudarat umum seperti wujud spekulasi harga oleh orang tengah yang monopoli, sorok barang yang mengakibatkan lonjakan harga (*ihtikar*), kawalan stok makanan asasi di musim perayaan dan sebagainya, maka kerajaan harus campur tangan bagi mengelakkan risiko dan mudarat umum yang terjadi (Supriadi & Wardah, 2020). Pada situasi sebegini kerajaan boleh menetapkan harga atau menentukan had siling bagi sesuatu barangan dengan syarat kedua-dua pihak mestilah terjamin kesejahteraan dan kebajikan mereka.

Dalam perbincangan mengenai penentuan harga bagi sesuatu tingkat keuntungan, al-Qardawi (2015) bersifat lebih terbuka dengan maksud bahawa kadar keuntungan tidaklah bersifat rigid atau terhad dalam peratusan tertentu sahaja seperti 20% atau sebagainya. Malah tidak menjadi kesalahan sekiranya penjual mencapai keuntungan 100% atau lebih dari modal selagi tiada unsur-unsur yang diharamkan. Malah beliau berhujah bahawa di zaman Rasulullah SAW yang menunjukkan nas dari al-Quran atau dari perbuatan Baginda SAW yang mensyaratkan had keuntungan atau penentuan sesuatu harga yang dikenakan ke atas penjual atau firma pengeluar (Yetmi, 2022). Hal ini berbeza dengan pemikiran al-Ghazali yang menegaskan bahawa tingkat keuntungan bagi sesuatu keuntungan adalah tidak dibenarkan lebih sepertiga dari modal atau dalam norma kiraan antara tingkat 5% sehingga 10% dari harga jualan. Justeru, jika tingkat harga melebihi dari tingkat keuntungan yang sewajarnya, maka pembeli berhak melakukan *khiyar* (sama ada meneruskan akad atau membatalkannya). Jika pembeli meneruskan akad jual beli tersebut

maka penjual perlu memulangkan lebih wang dari tingkat keuntungan yang lebih, manakala jika pembeli membatalkan akad maka barangan perlu dipulangkan kembali kepada penjual dan wang dipulangkan kembali kepada pembeli (Sari, 2020).

Al-Ghazali menekankan bahawa para penjual atau pedagang mestilah mempermudah urusan urus niaga tersebut dan tidak menyusahkan pembeli atau pengguna kalangan masyarakat dalam memenuhi keperluan mereka. Sekiranya berlaku kesulitan atau kerumitan yang mengakibatkan keperluan masyarakat maka ia boleh termasuk dalam kategori zalim. Ini kerana keperluan masyarakat tidak dapat dipenuhi yang akan menyebabkan masyarakat berada dalam keadaan berhajat. Kezaliman dalam sosio-ekonomi terbahagi kepada dua kategori sama ada yang bersifat umum kerana memudahkan ramai orang seperti perbuatan *ihthikar* atau bersifat khusus kerana memudahkan orang tertentu sahaja seperti penipuan (al-Ghazali, 2003). Justeru, pemikiran al-Ghazali dalam sosio-ekonomi jelas menunjukkan bagaimana beliau sangat mementingkan soal kecukupan keperluan masyarakat di samping mendidik para penjual, pedagang, firma pengeluar dalam memikirkan juga soal “keuntungan” di akhirat kelak dalam mengejar keuntungan di dunia. Sebab itu, pemikiran al-Ghazali ini mempunyai signifikan kepada asas terhadap konsep untung patut (*reasonable profit*).

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian dan hasil dapatan kajian diperoleh menerusi kajian kepustakaan. Maklumat yang digunakan dalam proses untuk menganalisis dokumen diperoleh melalui kajian daripada buku digital, tesis, jurnal dan lain-lain yang berkaitan dengan pemikiran al-Ghazali dalam isu yang dikaji. Selain itu, sumber daripada internet juga turut diambil untuk dijadikan rujukan contohnya daripada kajian artikel yang diperoleh melalui carian di *google scholar*, laman web yang berautoriti dan sebagainya bagi mendapatkan maklumat. Analisis data yang digunakan adalah dengan menggunakan analisis dokumen dan kandungan melalui menganalisis konsep untung patut (*reasonable profit*), pemikiran al-Ghazali dalam sosio-ekonomi, perbandingan pemikiran al-Ghazali dengan tokoh-tokoh lain dalam konteks ekonomi dan sebagainya berdasarkan pendekatan deskriptif kemudian dibuat kategori-kategori yang menunjukkan empat tema untung patut berasaskan pemikiran al-Ghazali kepada kesimpulan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Al-Ghazali (450H – 505H) atau nama sebenarnya Muhammad bin Muhammad al-Ghazali merupakan seorang sarjana Islam yang cukup berpengaruh dengan pemikiran yang hebat lagi diiktiraf sehingga digelar sebagai “Hujjatul Islam”. Beliau tidak hanya menguasai bidang tasawuf, falsafah, fikah dan usul al-Fiqh malah mencakupi bidang-bidang yang lain. Beliau juga antara sarjana Islam yang tersohor dalam pemikiran ekonomi dengan keunikan pemikirannya yang menerapkan elemen pengajaran tasawuf dalam perbincangan ekonomi. Ini kerana, al-Ghazali menyatakan bahawa kesemua jenis ilmu adalah berteraskan keislaman (Mohd Shahid, 2021). Pemikiran ekonomi al-Ghazali ini dapat dikaji dari penulisan beliau sendiri dalam kitab antaranya *Ihya Ulumiddin*, *al-Tabr al-Masbuk fi Nasihat al-Mulk*, *al-Iqtisad fi al-I'tiqad* dan sebagainya.

Pemikiran al-Ghazali dalam sosio-ekonomi menekankan aspek keseimbangan antara usaha manusia dalam pasar bagi mendapatkan keuntungan di dunia hasil dari usaha kerja dan dalam masa yang sama beliau menjelaskan bahawa keutamaan bagi muslim ialah keuntungan di akhirat. Beliau tidak menolak keuntungan dalam urus niaga yang dijalankan namun beliau menekankan aspek keadilan harga bagi memastikan pengguna dapat memenuhi keperluan semasa di samping menjaga norma pasaran yang sihat (Anisah et al., 2022). Tindakan yang menyebabkan gangguan sehingga berlakunya pasaran tidak sihat merupakan kezaliman yang bersifat umum. Beliau menegaskan ekonomi Islam tidak bersifat materialistik semata-mata sebagaimana kefasahaman kapitalisme. Ekonomi Islam yang sebenar dalam konteks urus niaga dan keusahawanan

menekankan tiga elemen utama yang terdapat dalam konsep kesejahteraan sosial iaitu keperluan diri, keluarga serta mencukupi keperluan masyarakat. Sebab itu, peniaga muslim sangat digalakkan merendahkan harga terutama apabila urusan niaga melibatkan kalangan pengguna yang miskin dan jika barangan tersebut menjadi keperluan asasi. Merendahkan harga bagi al-Ghazali tidaklah merugikan peniaga kerana dengan harga yang lebih rendah menjadikan permintaan lebih tinggi yang akhirnya mempengaruhi pembelian yang lebih banyak (Indra Hidayatullah, 2020).

Dalam pengambil keuntungan, pemikiran al-Ghazali dapat difahami kepada tiga perkara (Yetmi, 2022) iaitu pertama, pengambilan keuntungan ditentukan oleh harga pasar, jika keuntungan melebihi harga pasar, dapat dikatakan bahawa penjual telah melakukan kesalahan atau berbuat zalim. Kedua, keuntungan yang lebih dari sepertiga dari modal termasuk dalam perbuatan zalim. Ketiga, jika keuntungan yang diperoleh melebihi seperenam dari modal maka ini termasuk pelanggaran atau perbuatan zalim. Beliau percaya bahawa pasar yang menjadi tempat urusan niaga merupakan tempat yang penting dalam kehidupan manusia namun beliau menegaskan bahawa pasar menurut perspektif Islam tidak boleh menyimpang dari status reda Allah. Sebab itu, penulis melihat bahawa had keuntungan yang normal sekitar 5-10 peratus dari harga jualan dapat difahami pada tiga aspek iaitu pertama, tidak membuka ruang manipulasi harga bagi keuntungan berganda. Kedua, didikan kepada peniaga dengan elemen tasawuf dalam mewujudkan timbang rasa bagi memastikan urusan pembeli atau pengguna kalangan masyarakat disempurnakan dan dipenuhi. Ketiga, mengawal pasaran dari berlakunya peningkatan harga secara berleluasa tanpa batasan sehingga boleh dimanipulasi atau dimonopoli pihak tertentu demi keuntungan pihak kronisme yang akhirnya masalah umum pembeli terjejas sehingga kesannya kekuatan pembeli akan menurun sekaligus melemahkan ekonomi sesebuah negara.

Justeru, pemikiran al-Ghazali dalam sosio-ekonomi ini mempunyai asas yang sama terhadap konsep untung patut (*reasonable profit*) yang berteraskan kepada elemen *al-falah* (unsur keuntungan di akhirat), memenuhi keperluan masyarakat dan norma pasaran sihat. Banyak kajian atau jurnal yang dilakukan bagi melihat sudut keunikan pemikiran ekonomi al-Ghazali dengan membandingkan pemikiran tokoh-tokoh lain namun masih belum ada lagi kajian khusus yang menganalisis pemikiran al-Ghazali untuk dikaji dalam bentuk konsep untung patut (*reasonable profit*). Kajian ini penting kerana hasilnya akan membuktikan bahawa pemikiran ekonomi al-Ghazali sangat relevan dalam konteks ekonomi semasa kerana prinsip ekonomi Islam mempunyai identiti tersendiri yang lebih baik dan membawa masalah berbanding ekonomi konvensional serta pengamalan kapitalisme.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Untung Patut Membezakan Prinsip Ekonomi Islam Dengan Konvensional

Islam tidak melarang peniaga, penjual, pedagang, pengeluar firma dan golongan seperti ini untuk meraih keuntungan selagi akad yang dijalankan seperti urusan niaga jual beli dilaksanakan dengan sempurna akad dan tiada unsur yang dilarang oleh syariat. Namun dalam masa yang sama, kesemua tersebut perlu memahami dasar ekonomi Islam yang benar agar tindakan kelompok ini memiliki sifat kebertanggungjawaban bagi memastikan urusan niaga yang dilakukan adalah memenuhi tanggungjawab seorang muslim dalam konteks *fardu kifayah* iaitu memenuhi keperluan masyarakat terutama dalam perkara yang melibatkan kategori asas dalam kehidupan yang disebut dengan *dharuriyat al-khams* yang melibatkan penjagaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasab*) dan harta (*hifz al-mal*).

Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005) menyatakan bahawa perbezaan jelas prinsip ekonomi Islam dengan konvensional ialah cara pengurusan risiko yang merupakan matlamat utama dalam sesuatu pengeluaran atau produk yang dihasilkan. Prinsip ekonomi Islam bukan sekadar bermatlamatkan keuntungan semata-mata tetapi

adalah menyahut perintah yang bersifat galakan daripada Allah SWT pada maksud mencari rezeki kurniaan-Nya serta memenuhi fitrah kehidupan manusia yang saling memerlukan dan memenuhi keperluan bermasyarakat antara satu sama lain. Berbeza dengan ekonomi konvensional yang meletakkan matlamat keuntungan semata-mata walau dengan apa jua mekanisme sekalipun yang dilakukan. Sebab itu, tambahan yang terhasil dari unsur riba tetap dinamakan untung akan tetapi ekonomi Islam hanya mengiktiraf tingkat atau kadar keuntungan yang bersih yang sebarang unsur yang diharamkan (Ab Rahim, 2012). Dari konteks pengurusan risiko juga, ekonomi Islam tidak membenarkan mekanisme pemindahan risiko sebagaimana yang berlaku dalam tambahan faedah (*riba*) ke atas penghutang yang berhutang. Namun Islam membenarkan pengurusan risiko yang diurus dalam bentuk pembiayaan yang dasar akadnya adalah jual beli, bukannya hutang (Muhamad Zuhaili & Ahmad Dahlan, 2016)

Konsep untung patut (*reasonable profit*) merupakan tingkat keuntungan yang tidak hanya memikirkan soal keuntungan maksimum tetapi wujud ketika penentuan harga tersebut nilai kebajikan yang memikirkan soal timbang rasa dalam memenuhi keperluan dan kecukuan pengguna serta masyarakat umum. Secara tidak langsung, sekalipun mampu meraih keuntungan yang lebih besar namun urus niaga yang dijalankan dengan memahami prinsip ekonomi Islam menunjukkan etika dan akhlak yang baik antara penjual dan pembeli dalam konteks memenuhi keperluan masing-masing serta bantu membantu di samping memelihara keadilan dan kebajikan antara keduanya (Muhamad Zuhaili, 2022). Fatimah & Sanep (2011) menjelaskan bahawa istilah keuntungan patut merujuk kepada teori pengeluaran Islam kerana pengeluar Islam mempunyai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat yang merupakan intensif utama pengeluar Islam untuk menghasilkan tingkat pengeluaran yang membezakan antara untung maksimum dengan untung patut (*reasonable profit*). Justeru, untung patut (*reasonable profit*) merupakan tingkat keuntungan yang diperolehi oleh pengeluar dalam keadaan berpuas hati dari segi kebaikan, perolehan wang, kebolehan bertahan dan mengembangkan firma perniagaan untuk terus memastikan keperluan pengguna dan masyarakat dipenuhi. Faktor kepada rasionaliti kepada untung patut adalah berteraskan prinsip pengeluaran dalam Islam iaitu (Sanep, 2016) :

1. Matlamat pengeluaran ialah sebagai ibadah untuk mendapatkan *al-falah*.
2. Kegiatan pengeluaran adalah berasaskan syariah.
3. Amanah dan tanggungjawab daripada Allah SWT.
4. Keadilan dalam pengeluaran dan pembangunan masyarakat.

Untung Patut Dicapai Menerusi Mekanisme Pasar yang Adil dan Sihat

Indra Hidayatullah (2020) menyebutkan dalam kajiannya bahawa al-Ghazali bersetuju akan tujuan dalam sesuatu urus niaga adalah mendapatkan keuntungan namun beliau tidak bersetuju dengan konsep keuntungan maksimum sebagaimana yang menjadi pengamalan pihak kapitalisme. Beliau menegaskan urus niaga Islam dasarnya ialah mendapatkan keuntungan akhirat, tidak sekadar keuntungan di dunia. Apa yang dimaksudnya dengan keuntungan akhirat oleh al-Ghazali ialah pertama, harga yang ditetapkan oleh penjual mungkin tidak digandakan daripada modal sehingga membebankan pengguna. Kedua, asas kepada urus niaga dalam Islam ialah merealisasikan konsep *ta'awun* iaitu saling bantu membantu antara satu sama lain yang dianjurkan oleh Islam. Setiap pihak mendapat apa yang diinginkan di mana penjual mendapat wang hasil jualannya manakala pengguna juga mendapat hak milik barangan atau sesuatu yang menjadi keperluannya. Ketiga, Urus niaga yang mematuhi etika ekonomi Islam menerusi penerapan syariah dan berakhlak mulia, maka termasuk dalam konteks ibadah yang memperoleh pahala serta ganjaran di syurga kelak.

Keuntungan dalam ekonomi Islam menerusi urus niaga yang dijalankan adalah bersifat keadilan dan kebajikan. Apabila hilangnya dua sifat ini maka akan berlakulah faktor kepada untung maksimum yang berlawanan dengan untung patut iaitu matlamat urus niaga adalah berasaskan keuntungan semata-mata dan kesan dari itu berlakunya

persaingan yang tidak sihat dalam pasaran (Fatimah & Sanep 2011). Sebab itu, al-Ghazali menegaskan bahawa peranan kerajaan adalah mengawasi pasaran bagi memastikan keadilan dan persaingan sihat pasaran bebas terus wujud. Penetapan harga menerusi campur tangan kerajaan apabila pasaran sudah tiada lagi unsur keadilan dan berlakunya spekulasi yang membawa kemudaratannya mesti ditangani agar dengan penetapan harga mencapai *maslahah hajiyyah* bagi memastikan kekuatan pembeli terus wujud dan pengeluaran terus konsisten. Beliau menegaskan bahawa peranan kerajaan adalah memastikan kemakmuran dan keadilan dalam negara terus wujud termasuklah dalam konteks sosio-ekonomi. Ini dapat dilihat menerusi kewujudan Institusi Hisbah sebagai badan yang berperanan mengawal selia amalan pasaran yang tidak sihat (Indra Hidayatullah, 2020).

Untung Patut Direalisasikan Menerusi Teori Keadilan Harga

Harga jualan yang berpatutan mengikut teori dari pemikiran al-Ghazali dalam sosio-ekonomi ialah sekitar 5-10% daripada harga barang tersebut. Sekiranya harga yang ditawarkan bersesuaian dan munasabah dengan mekanisme pasaran dan peraturan yang terpakai, maka teori keadilan harga akan dicapai. Namun, jika harga ditetapkan dengan cara yang salah disebabkan pengaruh dari unsur politik dan hilangnya kefahaman terhadap prinsip ekonomi Islam dengan menjadikan keuntungan maksimum adalah matlamat urusan niaganya maka akan berlaku ketidakadilan harga (Supriadi, 2018). Berdasarkan teori keadilan harga menurut al-Ghazali juga menunjukkan pendirian jelas beliau dengan mengkritik terhadap tingkat keuntungan yang berlebihan. Oleh itu, al-Ghazali menyatakan bahawa keuntungan dalam norma pasaran yang biasa hendaklah sekitar 5-10% daripada harga barang. Beliau menyatakan bahawa dengan mengurangkan margin keuntungan menerusi pada harga yang lebih rendah akan meningkatkan jumlah jualan, seterusnya meningkatkan keuntungan. Beliau menambah bahawa keuntungan 5-10% tersebut hakikatnya tidak akan menyebabkan kerugian malah mudarat kepada sesiapa pun akan tetapi akan menjadi rahmat kepada semua apabila keadilan harga berlaku (Siswadi et al., 2022).

Beliau tidak menghalang penjual memperoleh keuntungan namun tingkat keuntungan yang dihadkan oleh beliau adalah kerana bagi mendidik jiwa manusia agar lebih mementingkan soal keuntungan di akhirat kelak atau yang dimaksudkan dengan konsep *al-falah*. Ini kerana apabila manusia tidak mengekang nafsu atau keinginannya maka ia akan membuka pintu keinginan manusia kepada sesuatu tanpa batas yang akhirnya akan mendorong melakukan apa sahaja demi meraih keuntungan berganda-ganda sekalipun dengan cara yang salah seperti *ihtikar*, curang dalam timbangan, menyembunyikan kekurangan barang dagangan, spekulasi harga, riba dan sebagainya yang membuat manusia terjauh dari tujuan utama melakukan muamalah. Antara lain mengapa al-Ghazali tidak menggalakkan penjual mengambil tingkat keuntungan yang berganda-ganda kerana itu merupakan keperluan asas manusia agar mudah mendapatkan keperluan hidup mereka dan tidak bersusah payah. Beliau sangat menggalakan para penjual atau peniaga untuk menawarkan harga yang lebih rendah dengan mengurangkan tingkat keuntungan apabila berurusan dengan pembeli yang miskin, kerana ia termasuk dalam kategori amal soleh (Sari, 2020).

Kajian oleh Moh. Muafi (2016) menjelaskan bahawa pemikiran ekonomi al-Ghazali adalah berasaskan pendekatan tasawuf. Gaya pemikiran ekonomi beliau digariskan dalam kitabnya *Ihya' 'Ulumuddin*. Had keuntungan oleh al-Ghazali yang dinyatakan bukan menafikan kadar keuntungan namun ia lebih kepada elemen tasawuf bagi mengekang keinginan manusia yang jika tidak diletakkan had akan boleh menjadikan manusia terpedaya dengan kemewahan dunia. Al-Ghazali sendiri mengingatkan kepada peniaga dengan istilah "pasar hakiki" iaitu akhirat dalam tindakan menentukan sesuatu harga bagi mencapai keuntungan yang wajar. Al-Ghazali percaya bahawa peranan pasaran ekonomi dalam kehidupan manusia adalah sangat penting, dan dalam kapasitinya sebagai seorang

sufi, beliau juga mahu sistem pasaran ekonomi semasa tidak menyebabkan orang ramai terlepas pandang status mereka sebagai makhluk Tuhan SWT (Nur Arista, 2023).

Untung Patut Signifikan Kepada Konsep Kesejahteraan Sosial

Pemikiran sosio-ekonomi al-Ghazali adalah berasaskan konsep “fungsi kebajikan sosial”, iaitu satu konsep yang merangkumi semua aktiviti manusia dan hubungan rapat antara individu dan masyarakat. Al-Ghazali juga mendefinisikan aspek ekonomi fungsi kesejahteraan sosialnya dalam kerangka tiga keutamaan sama ada individu dan sosial iaitu keperluan asas (*daruriyat*), kesenangan atau keselesaan (*hajiyyat*), dan kemewahan (*tahsiniyat*). Menurut al-Ghazali, kegiatan ekonomi merupakan satu kebajikan yang dianjurkan oleh Islam (Moh. Muafi, 2016). Al-Ghazali membahagikan manusia kepada tiga golongan iaitu: pertama, orang yang mementingkan kehidupan dunia semata-mata. Kedua, orang yang mengutamakan akhirat daripada matlamat dunia adalah beruntung. Ketiga, golongan yang kegiatan dunianya selari dengan matlamat akhirat.

Al-Ghazali menegaskan bahawa aktiviti ekonomi perlu dijalankan dengan cekap kerana ia adalah sebahagian daripada menunaikan kewajipan agama. Beliau mengenal pasti tiga sebab seseorang itu perlu menjalankan kegiatan ekonomi iaitu (Karim, 2012): Pertama, untuk memenuhi keperluan hidup yang berkenaan. Kedua, untuk kesejahteraan keluarga. Ketiga, membantu orang lain yang memerlukan. Ketiga-tiga sebab di atas menunjukkan bahawa kemaslahatan seseorang akan terpenuhi apabila keperluannya dipenuhi, kemaslahatan itu sendiri mempunyai beberapa aspek yang menjadi indikator, salah satunya adalah memenuhi keperluan material seseorang. Kemaslahatan yang disebut al-Ghazali akan apa yang diharapkan kepada manusia juga tidak terlepas dari unsur kekayaan, kerana kekayaan merupakan salah satu unsur utama dalam memenuhi keperluan asas iaitu pakaian, makanan dan tempat tinggal. Sebab itu, al-Ghazali menyimpulkan bahawa mengumpulkan kekayaan itu bukanlah tindakan yang tercela sebaliknya ia merupakan satu fitrah bagi mencapai prestasi terbaik seseorang dalam berusaha dan bekerja. Sekiranya dengan harta yang dikumpulkan itu membolehkannya memenuhi tanggungjawab dan menunaikan sesuatu kewajipan maka ia termasuk dalam kategori ibadah (Mohd Shahid, 2021). Namun dalam penetapan harga dalam urusan niaga, al-Ghazali juga memahami konsep keanjalan permintaan, iaitu mengurangkan margin keuntungan dengan menjual pada harga yang lebih tinggi. Harga yang murah akan meningkatkan jumlah jualan dan ini akan meningkatkan pula keuntungan yang diperolehi.

Justeru untung patut adalah signifikan kepada kesejahteraan sosial kerana selain memenuhi keperluan hidup seseorang dan juga tanggungan atau keluarganya, ia juga membantu pengguna atau masyarakat dalam memenuhi keperluan yang mereka cari. Malahan dengan tingkat keuntungan yang rendah dari tingkat keuntungan maksimum atau abnormal, hakikatnya akan meningkatkan permintaan yang sedia ada. Maka kitaran sosio-ekonomi akan berada dalam kitaran yang positif dan norma pasaran juga akan sihat kerana keperluan masyarakat dipenuhi. Jelas pemikiran al-Ghazali dalam sosio-ekonomi ini menekankan aspek konsep kitaran yang sihat antara penawaran dan permintaan dengan memastikan keperluan disempurnakan. Isu yang terjadi ialah apabila keinginan kepada tingkat untung maksimum akan menjejaskan keperluan dipenuhi yang akhirnya menjadikan permintaan akan turun. Ini merupakan situasi yang mengurangkan kuasa pembeli yang akhirnya turut menjejaskan tawaran di peringkat penjual atau peniaga.

PENUTUP

Pemikiran al-Ghazali dalam sosio-ekonomi sangat menepati dengan konsep untung patut (*reasonable profit*). Hal ini dibuktikan menerusi respon dan komen al-Ghazali perkara yang berkaitan *al-falah* (keuntungan di akhirat), memastikan keadilan dan pasaran yang sihat dari sebarang aktiviti yang menyeleweng dan bercanggah syariat serta peranan pihak penguasa menerusi Institusi Hisbah selaku badan kawal selia bagi memastikan pasaran dalam keadaan sihat. Konsep untung patut (*reasonable profit*) merupakan konsep yang menekankan aspek keadilan dan kebajikan menerusi penawaran harga bagi

memastikan permintaan dipenuhi. Apabila penawaran dan permintaan tidak seimbang maka ia akan mengganggu pasaran yang sihat. Keuntungan dibenarkan dalam Islam namun apabila keuntungan yang ingin dicapai itu mengganggu pasaran dan mendatangkan kesukaran kepada keperluan masyarakat semasa, maka perlunya peranan dan pantauan dari pihak berkuasa agar menyeimbangkan kembali agar mewujudkan kesejahteraan sosial menerusi keadilan harga dan keseimbangan ekonomi menurut al-Ghazali.

RUJUKAN

Buku

- al-Ghazali, A. H. (2003). *Ihya' Ulumiddin*. Terjemahan Ismail Yakub. Cet. ketiga. Singapura : Pustaka Nasional.
- al-Jarjawi, A. A. (2007). *Hikmah al-Tashri' wa Falsafatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- al-Qardawi, Y. (2015). *Fatwa Kontemporari Siri 3 : Hubungan Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: PTS Publishing House.
- Karim, A. A. (2012). *Ekonomi Mikro Islami*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Sanep, A. (2016). *Ekonomi Islam (Satu Analisis Perbandingan)*. Bangi: UKM.
- Supriadi. (2018). *Konsep Harga Dalam Ekonomi Islam*. Makassar: Guepedia.
- Surtahman, K. H. & Sanep, A. (2005). *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Jurnal

- Anisah, L. A., Dedek, K., Ghaida, A. N., & Nanda, A. (2022). Konsep Keseimbangan Ekonomi terhadap Mekanisme Pasar dan Penetapan Harga dalam Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan dan Konseling*, 5, 3309-3316.
- Indra Hidayatullah. (2020). Pemikiran al-Ghazali Tentang Mekanisme Pasar dan Penetapan Harga. *Jurnal Ekonomi Syariah*. 5(4), 42-54
- Moh. Muafi, T. (2016). Pemikiran Imam Al-Ghazali tentang Ekonomi Islam Dalam Kitab Ihya' Ulumuddin. *Iqtishoduna*. 5(2), 2250242
- Mohd Shahid, M. N. (2021). *Konsep Fiqh Di Dalam Pemikiran Ekonomi al-Ghazali*. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*. 1(1), 49-65.
- Muhamad Zuhaili, S., & Ahmad Dahlan, S. (2017). Risiko Terhadap Keuntungan Dalam Instrumen Transaksi Masa Kini Menurut Fiqh Muamalat. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 2(1), 31-46.
- Muhamad Zuhaili, S., (2022). Penentuan Keuntungan dan Pemberian Rebat dalam Urusniaga Jualan Bertanggung Menurut Maqasid al-Shariah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. 8(2), 123-152.
- Sari, N. N. (2020). Analisis Pemikiran Ekonomi Al- Ghazali Tentang Batasan Keuntungan Dalam Jual Beli. *Jurnal Aghinya Stiesnu Bengkulu*. 3(2), 1-32.
- Siswadi, S., Alimuddin & Amiruddin. (2022). Thoughts of Al-Ghazali and Thomas Aquinas: Price Justice. *Jurnal Multidisiplin Madani (MUDIMA)*. 2(3), 1315-1330.

Laman Sesawang

- Ifta' Jordan. (2021). Yustahabb li al-Tajir al-Takhfif fi Miqdar al-Ribh. <https://www.aliftaa.jo/Question2.aspx?QuestionId=3623#.Yt4RynZBzrc> (diakses pada 10 Jun 2022).
- Muhammad Sabri, A. R. (2020). Hal Tahdid Nisbah al-Ribh fi al-Bai' wa al-Syira'. al-Ifta' Tujib. <https://www.elbalad.news/4594764> (diakses pada 10 Jun 2022)

Seminar & Prosiding

- Fatimah az-Zahra, A. S. & Sanep, A.. (2011). *Epistemologi Tauhid dalam Teori Pengeluaran dan Kesannya ke atas Keluaran dan Kebajikan*. Prosiding PERKEM, VI(2), 1 -14.
- Mohd Nizho, A. R., & Mohd Shukri, H. (2008). *Etika Perniagaan dari Perspektif al-Quran : Satu Tinjauan*. Kertas Kerja Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.

Tesis & Disertasi

- Ab Rahim Ibrahim. (2012). *Riba dan Ribh Menurut Kewangan Islam: Mekanisme Penentuan KadarKeuntungan Pembiayaan Jangka Panjang dalam Perbankan Islam*. Tesis Ph.D, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nur Arista, M. A. (2023). *Studi Komparasi Pemikiran Ibn Khaldun dan al-Ghazali Tentang Mekanisme Pasar dan Penetapan Harga serta Relevansi di Indonesia*. Tesis Sarjana Jurusan Ekonomi Syariah Fakultas Ekonomi dan Bisnis Islam Institusi Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Yetmi Kusnita. (2022). *Analisis Komparatif Pemikiran Ekonomi Al-Ghazali Dan Yusuf Al-Qardawi Tentang Batasan Keuntungan Dalam Jual Beli*. Artikel kajian bagi Program Studi Ekonomi Syariah Jurusan Ekonomi Islam Fakultas Ekonomi Dan Bisnis Islam Universitas Islam Negeri Fatmawati Sukarno Bengkulu, 2022 M/ 1443h.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.